

**KRITERIA  
ANUGERAH PUSTAKAWAN HARAPAN PPM 2017**

**1. Pengenalan**

Anugerah Pustakawan Harapan PPM ialah satu penghargaan daripada Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) kepada pustakawan muda di negara ini yang telah menunjukkan pencapaian yang boleh dibanggakan dalam bidang kepustakawanan. Pemenang anugerah ini akan diumumkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan PPM.

**2. Tujuan**

Tujuan anugerah ini adalah untuk:

- 2.1 Mengiktiraf pustakawan yang telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan pada awal kerjaya mereka.
- 2.2 Mengiktiraf kebolehan pengurusan dan potensi kepimpinan pustakawan muda.
- 2.3 Memberi motivasi keahlian dalam Persatuan Pustakawan Malaysia.

**3. Kriteria Pemilihan**

Calon yang layak untuk dipertimbangkan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu daripada kriteria berikut :

- 3.1 Menyumbangkan kepada peningkatan profesion kepustakawan melalui Persatuan.
- 3.2 Telah menunjukkan prestasi perkhidmatan perpustakaan yang efisien dan berkesan.
- 3.3 Terlibat aktif dalam mempromosikan penggunaan perpustakaan/pusat maklumat.
- 3.4 Penglibatan dalam bidang kepustakawan di luar organisasi bertugas.
- 3.5 Berjaya menghasilkan penulisan yang dapat mempertingkatkan profesion kepustakawanan.

#### **4. Peraturan Pemilihan**

- 4.1. Dalam kalangan ahli Professional PPM.
- 4.2. Bekerja dalam bidang kepustakawanan dalam gred pengurusan tidak lebih daripada 15 tahun.
- 4.3. Berumur tidak lebih daripada 40 tahun pada 31 Disember 2017.
- 4.4. Ahli PPM sekurang-kurangnya 5 tahun berterusan termasuk tahun penerimaan anugerah.
- 4.5. Penerima hanya layak menerima anugerah ini sekali sahaja.
- 4.6. Anugerah ini tidak perlu diberi sekiranya Jawatankuasa Pemilihan merasakan tiada calon yang sesuai pada tahun itu.

#### **5. Jawatankuasa Pemilihan**

- 5.1. Jawatankuasa Pemilihan terdiri daripada Ahli Majlis PPM.
- 5.2. Perbincangan Jawatankuasa Pemilihan adalah sulit.

#### **6. Pencalonan**

- 6.1. Pencalonan hendaklah dibuat melalui cadangan dengan keizinan calon.
- 6.2. Pencalonan sendiri adalah dibenarkan sekiranya calon memegang jawatan tertinggi di perpustakaan bertugas. Pencalonan sedemikian hendaklah disokong oleh seorang ahli PPM.
- 6.3. Kertas pencalonan hendaklah disertakan dengan hujah sokongan memenuhi kriteria-kriteria pemilihan.
- 6.4. Ahli Jawatankuasa Pemilihan dan keluarga terdekat tidak boleh membuat pencalonan atau dicalonkan.

## **7. Pemilihan**

- 7.1. Calon mungkin diminta hadir temubual jika dirasakan perlu.
- 7.2. Lawatan ke perpustakaan /pusat maklumat calon akan dijadualkan jika perlu.
- 7.3. Calon hendaklah memberi maklumat tambahan jika diminta oleh Jawatankuasa Pemilihan.
- 7.4. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad.

## **8. Hadiah**

- 8.1. Wang tunai RM 500.00
- 8.2. Trofi dan sijil penghargaan.